

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Essential Cover 20

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menawarkan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh polisi ke-20 dengan 10 tahun bayaran premium terhad. Polisi ini membayar sekali gus manfaat kematian jika anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD). Jika kematian adalah disebabkan oleh kemalangan, tambahan sebanyak 100% daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibayar. Selain itu, semua premium masa hadapan akan diketepikan jika anda didiagnosis menghadapi mana-mana 36 penyakit kritikal dalam tempoh bayaran premium terhad. Atas kematangan, polisi ini akan mengembalikan 115% jumlah premium terbayar.

Polisi ini tidak menyertai pengagihan untung Syarikat.

Polisi ini akan memberikan nilai serahan terjamin selepas polisi berkuatkuasa cukup genap 1 tahun.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

Penerangan Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Kematian Akibat Semulajadi	RM25,000	RM50,000	RM75,000
Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan	RM50,000	RM100,000	RM150,000
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)*	RM25,000	RM50,000	RM75,000
Manfaat Kematangan	115% daripada jumlah premium yang dibayar		
Diagnosis Penyakit Kritikal	Penepian premium masa hadapan dalam tempoh polisi 10 tahun yang pertama		

*Catatan:

- Perlindungan untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak diberikan kepada Hayat yang Diinsuranskan yang mencapai umur 65 tahun dan ke atas.
- Jumlah maksimum diinsuranskan bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tertakluk kepada RM1 juta bagi setiap polisi dan RM2 juta di bawah semua polisi bagi orang yang sama.

Tempoh: Sehingga berlaku kematian pramatang, TPD, atau tempoh kontrak 20 tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium* yang perlu saya bayar?

Premium asas yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza mengikut keperluan penanggungjaminan syarikat insurans:

Anggaran jumlah premium asas yang perlu anda bayar berbeza mengikut jenis pelan yang dipilih:

Band Umur	Premium Bulanan		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
18 to 24	61.20	93.60	126.40
25 to 29	67.20	105.30	142.90
30 to 34	78.20	124.20	171.90
35 to 39	97.30	166.50	236.40
40 to 44	122.40	220.00	317.00
45 to 49	144.20	267.30	390.00
50	174.90	332.00	415.90

-Tempoh premium: tempoh 10 tahun.

Catatan:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari, yang memberi pelanggan tempoh tambahan selepas tarikh genap tempoh, bagi membuat pembayaran premium.
- Kadar premium terpakai untuk risiko standard sahaja.
- Kadar premium adalah terjamin.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah	
Komisen	Tahun Polisi	Kadar Potongan Daripada Premium Untuk Komisen
	1	10.00%
	2	2.50%
	3	2.50%
	4	2.50%
	5	2.50%
	6	2.50%
	7	2.50%
	8	2.50%
	9	2.50%
	10	2.50%
	Total	32.50%

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul. Sebaliknya, polisi anda tidak akan disahkan dan premium akan dipulangkan tanpa faedah.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan notis bertulis dan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran polisi ini kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Kematian
 - Membunuh diri sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana-mana satu yang terkemudian.
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).
 - Apa-apa keadaan sedia ada.
- Hilang Upaya Menyeluruh - dan Kekal
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman).
 - Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami ketika di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan.
 - Kecederaan yang dialami ketika menyertai pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan yang berbahaya.
 - Apa-apa aktiviti di udara (kecuali apabila membuat perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang mengikut laluan komersil berjadual yang biasa).
 - Membuat pelayaran di dalam kapal selam.
 - Berkhidmat dalam angkatan tentera, pasukan polis, tentera laut atau aeronautik.
 - Apa-apa bentuk hilang upaya (TPD) yang dialami pada tarikh mula berkuat kuasa atau pengembalian semula polisi.
 - Rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti pengganas.
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan.
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).
- Penyakit Kritikal
 - Apa-apa keadaan sedia ada pada tarikh polisi ini dikeluarkan atau tarikh bagi mana-mana pengembalian semula atau penghidupan semula polisi, mengikut mana-mana yang terkemudian.
 - Penyakit Kritikal didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh polisi ini dikeluarkan atau tarikh bagi mana-mana pengembalian semula atau penghidupan semula polisi, mengikut mana-mana yang terkemudian.
 - Apa-apa Penyakit Kritikal akibat secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan diri yang disengajakan, sama ada siuman atau tidak siuman.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi ini untuk mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda boleh luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang akan banyak kurangnya daripada keseluruhan jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan *insuranceinfo* tentang 'Insurans Hayat' yang disediakan di semua cawangan kami atau layari lamanvisit www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

General Line : 03-2059 6188
 Fax : 03-2162 8068
 Customer Care Hotline : 03-2603 3999
 E-mail : customercare@tokiomarinelifemalaysia.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Tiada

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERHUBUNG DENGAN PIHAK SYARIKAT SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat 25/11/2019.

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373(6171-M)] ialah penganjur pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Hanya untuk tujuan ilustrasi(E. & O.E)

Disediakan oleh: RHB Bank

Tarikh dicetak: 25/11/2019